

05 FEB 1998

MEC

MEC HANTAR PESANAN ALAT ELEKTRIK KE HARRODS

KUANTAN, 5 Feb (Bernama) -- Syarikat pengeluar barangan elektrik, Malaysian Electrical Corporation Bhd (MECB), telah menghantar sebanyak empat kontena peralatan elektrik keluarannya ke London, untuk dipamerkan di gedung membeli-belah terkenal, Harrods, kata pengarah eksekutif MECB, Ong Min Leong.

Bercakap kepada pemberita di kilang MEC di kawasan perindustrian Gambang di sini hari ini, beliau berkata penghantaran dibuat beberapa bulan lalu dan penghantaran yang pertama sepatutnya sudah sampai di London.

Turut hadir Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob.

Ong berkata jutawan kelahiran Mesir Mohamed Al Fayed, yang juga pengerusi Kumpulan Harrods tertarik dengan peralatan elektrik buatan Malaysia itu yang kualitinya bertaraf dunia.

MECB percaya eksport syarikat itu akan meningkat pada masa akan datang memandangkan rekabentuknya bukan sahaja menarik tetapi harganya berpatutan.

Sehingga ini, syarikat itu telah mengeksport keluarannya, terutama pesanan untuk percubaan, ke 30 buah negara termasuk Australia, New Zealand, Kemboja, Asia Barat, Vietnam, Myanmar, Amerika Selatan, Mongolia dan Afrika Selatan.

Sementara itu Khalil berkata Al Fayed memohon maaf kerana terpaksa membatalkan lawatannya ke kilang MEC di Bandaraya MEC kerana mengidap sakit kepala.

Menurutnya Al Fayed dikatakan berminat untuk membuat pelaburan jangka panjang di Pantai Timur di samping dalam MEC sendiri.

Bandaraya MEC, yang terletak dalam kawasan seluas 1,400 hektar dalam Kawasan Perindustrian Gambang, merupakan sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang moden dan canggih bagi peralatan elektrik buatan Malaysia.

Dimajukan oleh kerajaan Pahang yang memegang ekuiti 10 peratus, KLIH Holdings (60 peratus) dan Khazanah Nasional (30 peratus), projek berharga RM4 bilion itu dijangka siap dalam masa 10 hingga 15 tahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan fasa pertama daripada lima fasanya pada 17 Mac tahun lepas.-- BERNAMA

ROS oba